

Headline	Penerbangan jemaah haji ditangguh tiba hari ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	10	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	82 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,068
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,205



Penerbangan jemaah haji ditangguh tiba hari ini

KUALA LUMPUR 3 Nov.
- Penerbangan jemaah haji, KT31 melalui Saudia Airlines SV5616 yang dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang pada pukul 8.50 malam ini, kini dijadualkan semula untuk tiba pada 12.50 tengah hari, esok.

Lembaga Tabung Haji (TH) dalam kenyataan malam ini memaklumkan penjadualan semula tersebut melibatkan seramai 450 jemaah haji.

"Kesemua jemaah haji yang terlibat berada dalam keadaan baik di bawah penjagaan Saudia Airlines dan sedang berehat sementara menunggu waktu perlepasan penerbangan baru yang dijangka pada 11 malam (waktu Arab Saudi)," menurut kenyataan itu.

TH dan Saudia Airlines memohon maaf di atas segala kesulitan yang tidak dapat dielakkan dan anggota keluarga dinasihati menghubungi KLIA atau Pusat Panggilan TH 03-6207 1919 untuk mendapatkan waktu ketibaan terkini selepas pukul 7 pagi esok.

- BERNAMA